




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 274 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 31,534 kes. Dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) di Daerah Keningau dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 265 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 28,690 orang. Sejumlah 1,857 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 640 orang di hospital dan 1,217 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 274 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 116 kes (42.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 14 daerah, 100 kes (36.5%) dari saringan kluster sedia ada, saringan bergejala 36 kes (13.1%), saringan komuniti 12 kes (4.9%), 10 kes (3.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,777 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,806 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.28%.

#### **B. SARINGAN BESAR – BESARAN**

Untuk makluman awal, saringan Covid-19 secara besar besaran telah dibuat di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal hari ini dan semalam. Hasil saringan tersebut dijadualkan diketahui esok dan akan menyumbang kepada pertambahan statistik kes baharu di Daerah Kota Kinabalu.

#### **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **289,331** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.03%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH        | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1   | Kinabatangan  | 99%     |
| 2   | Sipitang      | 99%     |
| 3   | Kota Kinabalu | 99%     |
| 4   | Kota Belud    | 99%     |
| 5   | Kudat         | 98.5%   |
| 6   | Beaufort      | 98.5%   |
| 7   | Semporna      | 98%     |
| 8   | Penampang     | 98%     |
| 9   | Papar         | 98%     |
| 10  | Kota Marudu   | 98%     |
| 11  | Beluran       | 98%     |
| 12  | Sandakan      | 98%     |
| 13  | Lahad Datu    | 97%     |
| 14  | Tuaran        | 97%     |
| 15  | Keningau      | 97%     |
| 16  | Tenom         | 97%     |
| 17  | Tawau         | 97%     |
| 18  | Kunak         | 97%     |
| 19  | Ranau         | 96%     |

#### **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di lima (5) buah daerah iaitu Kinabatangan, Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau.
- 2 Hebahana umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 120 lokasi di 17 daerah. Hebahana dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Mandarin, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

## **F. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 179 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
10 Disember 2020